



31/2026

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KUSKOP SAMBUT BAIK TIGA PENGUMUMAN YAB PERDANA MENTERI BANTU PMKS HADAPI KRISIS TENAGA GLOBAL DAN PERKUKUH USAHA MELALUI INISIATIF POWERUP10K BERJUMLAH SEHINGGA RM15 BILION

PUTRAJAYA, 20 APRIL – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri bagi meringankan tekanan kos yang dihadapi PMKS susulan krisis tenaga global. Inisiatif yang diumumkan, iaitu RM5 bilion jaminan pembiayaan tambahan melalui SJPP, kelonggaran e-invois serta pengecualian cukai bersasar adalah tepat pada masanya dalam memastikan kelangsungan perniagaan dan perlindungan pekerjaan rakyat.

Dalam tempoh yang mencabar ini, KUSKOP turut melaksanakan inisiatif PowerUp 10K dengan komitmen untuk menyediakan sehingga RM15 bilion pembiayaan ke dalam pasaran dengan sasaran peningkatan skala sebanyak 10,000 syarikat PMKS selaras dengan semangat Kerajaan MADANI dalam memperkasa ekonomi rakyat. Usaha ini bertujuan membantu PMKS bukan sahaja kekal berdaya tahan, malah terus berkembang dan merebut peluang perniagaan dalam menghadapi ketidakpastian geopolitik global serta peningkatan kos operasi.

KUSKOP akan terus memperkukuh usaha ini melalui pendekatan ABCD iaitu Anjakan Produktiviti, Birokrasi Dipermudah, Capaian Modal dan Daya Akses Pasaran.

Kementerian juga akan terus bekerjasama rapat dengan pemegang taruh, khususnya pemain industri dan institusi kewangan, bagi memastikan setiap sokongan dapat disampaikan dengan cepat, berkesan dan memberi impak langsung kepada usahawan di lapangan

STEVEN SIM CHEE KEONG
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
20 APRIL 2026